

KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	12/12/2019	MUKA SURAT	: 52
JABATAN	:	SPAN / JPS		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



'Boleh jejas bekalan air di Seremban, PD'

Seremban: Kerajaan negeri kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang tangki sisa minyak dan bahan kimia di Sungai Anak Air Garan dekat Mambau di sini, Isnin lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun, berkata tindakan itu menunjukkan pihak terbabit mementingkan diri kerana tidak memikirkan masalah yang akan berlaku terutama kepada rakyat.

"Tindakan itu jika tidak ditangani segera, boleh menyebabkan masalah bekalan air yang berpanjangan kepada penduduk di Seremban dan Port Dickson.

"Selain menyebabkan masalah bekalan air, tindakan itu juga menyebabkan hidupan air turut mnsnah.

"Bagaimanapun, kita sudah menghantar sampul kepada Jabatan Kimia untuk kajian dan berharap dapat mengesan pelaku supaya tindakan sewajarnya dapat diambil," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat EXCO, semalam.

Aminuddin berkata, masyarakat perlu turut bersama membantu dengan memaklumkan kepada pihak bertanggungjawab jika melihat perkara mencurigakan.

Kelmarin dilaporkan, sebanyak dua tangki sisa minyak dan bahan kimia yang dibuang di Sungai Anak Air Garan dekat Mambau di sini, dikumpulkan dalam operasi pembersihan.

Bahan buangan yang dikum-



Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Azlin Ahmad meletakkan pelakat keselamatan pada balang kaca sampul minyak kilang, di Mambau.

putkan itu hanya pada hari pertama operasi bermula pagi kelmarin sehingga jam 5 petang, selepas menerima aduan Isnin lalu.

Operasi itu dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Badan Kawal Selia Air Negeri Sembilan dan Pusat Kualiti Alam.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri akan memajukan tanah terbiar yang diwartakan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) kepada individu atau syarikat yang berminat mengurus sahkan untuk pertanian, ber-

mula tahun depan.

Aminuddin Harun, berkata jawatankuasa khas sedang menjalankan kerja pemutihan bagi memastikan jumlah sebenar tanah terbiar sedia ada.

"Kita berharap usaha ini akan meningkatkan lagi hasil kerajaan negeri. Setakat ini, hasil kerajaan negeri yang berjaya dikutip sebanyak RM478 juta, berbanding sasaran sebanyak RM430 juta.

"Ini jumlah tertinggi yang pernah dikutip, berbanding pada tahun lalu RM421 juta. Saya berharap dalam tempoh yang masih ada lagi, kita akan dapat mengu-

tip sehingga RM490 juta, iaitu sasaran baharu yang ditetapkan sehingga hujung bulan ini," katanya.

Sementara itu, Aminuddin memerlukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menempatkan pegawai di pejabatnya bagi membantu memperkasakan integriti selain memastikan perkara berkaitan rasuah dibendung.

Malah katanya, ketika Ketua Pesurujaya SPRM, Latheefa Koya, mengadakan lawatan ke pejabatnya baru-baru ini, beliau sudah memaklumkan perkara itu.

(Foto BERNAMA)